

Headline	Bekalan elektrik berjaya dipulihkan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Page No	7
ArticleSize	193 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 7,359		



Bekalan elektrik berjaya dipulihkan

KUANTAN - Bekalan elektrik di daerah ini yang terputus sejak petang kelmarin selepas dua pencawang di Pintasan Kuantan dan Tanjung Gelang dinaiki air, dipulihkan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Pengurus Negeri Bahagian Penghantaran, Ir Abdul Halim Baharudin berkata, tindakan memutuskan elektrik itu kira-kira pukul 6 petang semalam dibuat bagi mengelak kejadian tidak diingini.

Menurutnya dua pencawang utamanya masing-masing 33 kilowatt voltan (kv) di Pencawang Kuantan Utara dan Tanjung Gelang di sini dinaiki air akibat banjir.

"Sebanyak 2,000 pencawang kecil juga terpaksa ditutup semalam kerana meng-

hadapi masalah yang sama.

"Bagaimanapun kita berjaya memulihkan bekalan itu secara berperingkat-peringkat bermula pukul 12 tengah hari tadi melibatkan kawasan sekitar bandar, Indera Mahkota dan Semambu," katanya kepada pemberita ketika ditemui, di sini, semalam.

Beliau berkata, penyambungan bekalan tersebut akan diteruskan sehingga lewat malam ini berikutan banjir di Pencawang Tanjung Gelang kembali surut.

Katanya, penutupan itu menyebabkan 60,000 pengguna di daerah ini terjejas tetapi pihaknya berusaha bagi memulihkan keadaan tersebut.

"Hanya 100 daripada 2,000 pencawang kecil masih belum



Pencawang elektrik TNB ditenggelami air akibat banjir yang melanda daerah ini.

lagi beroperasi manakala selebihnya telah diaktifkan untuk menyalurkan bekalan elektrik kepada pengguna.

"Saya berharap para pengguna diminta bersabar dengan situasi ini dan pihaknya sentiasa berusaha dalam memulih-

kan kembali bekalan tersebut seperti biasa," katanya.

Sementara itu, TNB telah menutup 1,072 pencawang elektrik di negeri ini berikutan situasi banjir yang melanda di beberapa daerah sejak kelmarin.